



**Seni Persembahan Dikir Al-Burdah oleh Pertubuhan An-Nur,  
Kampung Melango Baru, Saratok, Sarawak**

**Noryamisma Ismail<sup>1\*</sup>, Mohd. Zariat Abdul Rani<sup>2</sup>, Fazilah Husin<sup>3</sup> dan Norazlina Haji Mohd Kiram<sup>4</sup>**

<sup>1,2,3,4</sup> Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

*\*Corresponding author*

Email address:isma\_wani86@yahoo.com

**ABSTRAK**

Kajian ini bertitik tolak daripada pengamatan terhadap korpus ilmiah yang cenderung mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Dalam konteks perkaitan ini, kajian ini turut mendapati bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah yang dijalankan di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak sehingga kini dan sepanjang yang diketahui, masih belum lagi diteliti serta dicatatkan secara ilmiah. Dengan latar belakang ini, kajian ini diusahakan bagi merealisasikan tiga objektif. Pertama, mencatatkan perkembangan semasa dalam kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak. Kedua, menganalisis tema dalam lirik lagu Dikir Al-Burdah. Ketiga, merumuskan soal kesejajaran antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif secara khusus iaitu kaedah wawancara dan kaedah analisis isi kandungan. Pengamatan mendapati bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak yang pada masa kini giat dijalankan oleh Pertubuhan An-Nur. Analisis mendapati bahawa lirik lagu Dikir Al-Burdah yang dikaji menggarap tema kewajipan solat dan tema taubat. Kedua-dua tema ini didapati seiring dengan ajaran Islam sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Dengan dapatan-dapatan ini, kajian ini merumuskan bahawa seni persembahan Dikir Al-Burdah di Sarawak yang dikaji menyerlahkan ciri-ciri keislaman.

*This study is based on observations of the scientific corpus which tends to link Dikir Al-Burdah in Sarawak with Islam. In this context, this study found that Dikir Al-Burdah's activities carried out at Kampung Melango Baru, Saratok District, Sarawak until now have not yet been recorded and scientifically studied. With this information, three objectives was constructed. Firstly, record the current developments in Dikir Al-Burdah's activities in Kampung Melango Baru, Saratok District, Sarawak. Secondly, analyze the theme in the lyrics of Dikir Al-Burdah. Third, summarizes the relevance of Dikir Al-Burdah in Sarawak with Islam. This study employs a qualitative approach specifically, namely interview methods and content analysis methods. Observation found that the activities of Dikir Al-Burdah in Kampung Melango Baru, Saratok District, Sarawak are currently underway by the An-Nur Organization. The analysis found that the lyric of the Dikir Al-Burdah song studied the theme of prayer obligations and taubat theme. Both themes are found in line with the teachings of Islam as contained in the Quran and Al-Hadith. With these findings, the study concludes that the performing arts of Dikir Al-Burdah in Sarawak examined the characteristics of Islam.*

**Kata Kunci:** Islam; seni persembahan; Dikir Al-Burdah; Pertubuhan An-Nur; Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak.

## PENGENALAN

Sarawak merupakan sebuah negeri yang masyarakatnya terdiri daripada pelbagai bangsa, suku kaum serta etnik. Salah satu daripadanya ialah masyarakat Melayu yang memiliki beberapa seni persembahannya yang tersendiri. Antaranya ialah bangsawan atau opera Melayu yang giat dipersembahkan terutamanya sebelum dekad 1960-an (Nur Afifah Vanitha Abdullah, 2017: 88).

## KAJIAN LITERATUR

Lumrah difahami bahawa masyarakat Melayu rata-rata beragama Islam. Dalam konteks orang Melayu di Sarawak, anutan agama ini dilihat mempengaruhi secara signifikan kehidupan masyarakat. Dengan kata lain, akidah Tauhid (perakuan terhadap kewujudan Allah s.w.t. yang Esa) yang menjadi pegangan, kemudiannya membentuk kebudayaan termasuk kesenian masyarakat (Raslie, 1988: 121). Hal ini antaranya dimanifestasikan pada kewujudan beberapa tradisi kesenian yang telah sekian lama menjadi amalan dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak. Antaranya yang masih kekal hingga hari ini ialah Dikir Al-Burdah, iaitu satu tradisi kesenian berbentuk persembahan nyanyian secara berkumpulan yang diiringi dengan alat-alat muzik tertentu. Menurut Mohd Taib Osman, (1979: 101-102) dalam konteks seni persembahan Melayu, kesenian “dikir” lazimnya merujuk kepada alunan selawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. yang diiringi dengan paluan rebana. Manakala, menurut Haji Muhammad Bukhari Lubis (seterusnya Bukhari), perkataan “Al-Burdah” pada asalnya merujuk kepada puisi Ka’b Ibn Zuhayr r.a. yang merupakan seorang sahabat Rasulullah s.a.w. Puisi Al-Burdah mengandungi puji-pujian ke atas Rasulullah s.a.w. (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 127). Dikir Al-Burdah lazimnya dipersembahkan bersempena dengan hari-hari kebesaran Islam seperti Maulid Nabi (hari keputeraan Nabi Muhammad s.a.w.), khatam Al-Quran, bercukur rambut, akikah dan nikah kahwin. Selain itu, Dikir Al-Burdah juga sering menjadi antara acara dalam majlis-majlis seperti berpindah ke rumah baharu, berkhatan, membuka kampung baharu, mengubati atau menghindari sesuatu penyakit atau bala, dan menyambut tetamu, dengan niat untuk memperoleh keberkatan Allah s.w.t. Amalan ini sekali gus memberikan petanda bahawa dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak, Dikir Al-Burdah cenderung ditanggapi sebagai satu bentuk amalan yang berunsurkan keagamaan (Raslie, 1988: 132).

Sehingga kini, kegiatan Dikir Al-Burdah dalam kalangan masyarakat Melayu di Sarawak telah mengundang beberapa pengkajian ilmiah. Antara kajian yang mengisi korpus ilmiah mengenainya ialah tulisan Raslie Saharan (seterusnya Raslie) bertajuk “Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak”, yang terbit sebagai salah satu bab dalam buku bertajuk Adat Resam Penduduk Sarawak (1988). Sesuai dengan judulnya, tulisan Raslie berusaha untuk memberikan gambaran secara sepintas lalu mengenai kebudayaan masyarakat Melayu di Sarawak dengan membicarakan aspek-aspek seperti agama, bahasa, pendidikan, adat resam serta kesenian. Dalam konteks ini, Dikir Al-Burdah (tulisan Raslie menyebutnya sebagai “Zikir Burdah”) dicatatkan oleh Raslie sebagai satu tradisi kesenian yang masih menjadi amalan dalam masyarakat Melayu di Sarawak (Raslie, 1988: 132). Lebih penting apabila Dikir Al-Burdah di Sarawak ini dikaitkan dengan tradisi Qasidah Al-Mimiyah yang dicituskan oleh seorang ahli tasawuf terkenal Mesir bernama Al-Busiri (608-696 Hijrah) (Raslie, 1988: 132). Tulisan Raslie juga menjelaskan bahawa perkataan “burdah” merujuk kepada kain bulu dipakai oleh masyarakat Arab sebagai jubah. Malah, Rasulullah s.a.w. dinyatakan pernah menghadihkan “burdah” Baginda kepada Ka’b Ibn Zuhayr r.a kerana menukulkan syair yang dikenali sebagai Banat Su’ad. Dengan menjelaskan susur galur yang sedemikian, adalah jelas bahawa Dikir Al-Burdah di Sarawak cenderung dianggap sebagai satu kesenian berkaitan dengan Islam. Pemahaman ini semakin jelas apabila tulisan Raslie menyebut tentang fungsi Dikir Al-Burdah dalam masyarakat Melayu di Sarawak yang dikatakan bertujuan untuk memohon keberkatan Allah s.w.t. (disebut sebagai “memohon barakah (berkat) dan kemuliaan daripada Allah...”) (Raslie, 1988: 132). Fungsi tersebut sekali gus menjelaskan kewajaran Dikir Al-Burdah untuk dipersembahkan di majlis-majlis seperti perkahwinan, khatam Al-Quran, mendirikan rumah baharu dan mengubati penyakit. Perkaitannya dengan Islam turut tercermin pada tatacara persembahannya yang menurut Raslie dimulai serta diakhiri dengan selawat ke atas Rasulullah s.a.w.

Selawat ini diucapkan secara berkumpulan iaitu seramai 21 orang dengan diketuai oleh seorang ketua yang digelar “khalifah”, serta diiringi dengan paluan rebana. Tidak kurang signifikan apabila tulisan Raslie menyebut Bahagian Sri Aman sebagai kawasan yang masih mengamalkan kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak, sebagaimana yang dicatatkannya, “Zikir Burdah” [Dikir Al-Burdah] merupakan satu lagi kesenian lama yang masih diamalkan dan masih kedapatan di Bahagian Sri Aman [Sarawak] (Raslie, 1988: 132).

Selain itu, korpus ilmiah mengenai Dikir Al-Burdah di Sarawak turut diisi oleh tulisan Haji Muhammad Bukhari Lubis bertajuk “Dendangan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak”, yang terbit sebagai salah satu bab dalam buku bertajuk Persuratan Islam (1994). Sebagaimana tulisan Raslie (1988), tulisan Bukhari (1994) turut cenderung mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Kecenderungan ini ketara apabila bahagian pengenalan tulisan Bukhari menjelaskan tentang “al-Burdah” sebagai satu tradisi penciptaan puisi memuji Rasulullah s.a.w. (atau al-Mada’ih al-Nabawiah). Menurut Bukhari, gelaran “al-Burdah” antaranya diberikan kepada puisi Ka’b Ibn Zuhayr r.a berjudul Banat Su’ad. Tradisi “al-Burdah” dikatakan telah dirintis oleh Al-Busiri yang menukulkan al-Qasidah al-Mimiyah yang juga disebut sebagai “al-Burdah”. Tradisi “al-Burdah” ini kemudiannya berkembang dalam masyarakat Islam di seluruh dunia termasuk masyarakat Melayu (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 127). Lebih menarik apabila pengamatan Bukhari mengenal pasti Kampung Sessang, yang terletak di Daerah Kecil Kabong, Sarawak, sebagai lokasi yang masih mengamalkan tradisi “al-Burdah”, atau dikenali di kampung tersebut sebagai “Zikir Rebana”, sebagaimana yang dicatatkan seperti berikut:

*Di Semenanjung Malaysia, dendangan al-Burdah dalam bahasa Arab itu boleh dikatakan tidak dijalankan lagi. Walau bagaimanapun, rupa-rupanya kegiatan seni ini masih diteruskan di sebuah tempat yang bernama Kampung Sessang di daerah kecil Kabong dalam Daerah Kalaka yang berpusat di pekan Saratok, Bahagian Kedua, Sarawak....Di kawasan ini dendangan al-Burdah juga dikenali sebagai “Zikir Rebana” (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 128).*

Tulisan Bukhari menjelaskan bahawa penduduk di Kampung Sessang telah didedahkan dengan kegiatan Dikir Al-Burdah sejak tahun 1903 melalui para pedagang serta perantau yang mengembara dari Parsi (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 128). Kajian Bukhari pada tahun 1983 itu antaranya turut mengenal pasti peranan Pak Cik Abu Bakar Seman (atau dikenali sebagai Pak Andok) iaitu seorang lelaki berusia 75 tahun (pada ketika itu), dalam mengajar Dikir Al-Burdah kepada penduduk Kampung Sessang. Menurut Pak Andok, tradisi Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang dikembangkan oleh dua beradik, iaitu Datuk Keturunan dan Datuk Hajar yang juga merupakan pengasas kampung tersebut. Pak Andok diceritakan mempelajari Dikir Al-Burdah daripada Datuk Abbas, iaitu anak Datuk Hajar (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 128-129). Kajian Bukhari mendapati bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang pada ketika itu dijalankan oleh sebuah kumpulan yang kebanyakan ahlinya berumur antara 40 hingga 75 tahun. Kumpulan ini berlatih di rumah Pak Andok dengan rutin latihan sebanyak dua atau tiga kali dalam seminggu (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 131). Berdasarkan pada hasil pengamatan Bukhari, dapat dikatakan bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang memperlihatkan unsur-unsur yang dapat dikaitkan dengan Islam. Hal ini antaranya dimanifestasikan pada lagu-lagu yang dipersembahkan yang dikatakan bertemakan pujian ke atas Rasulullah s.a.w., selain dimulai serta diakhiri dengan selawat ke atas Baginda. Selain itu ialah tatacara persembahan yang dinyanyikan sambil duduk, atau adakalanya berdiri atau berjalan, tanpa gerak tari tertentu, dan diiringi dengan pukulan rebana atau gendang sahaja (Haji Muhammad Bukhari, 1994: 129-131). Kesemua ini menjadikan persembahan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak begitu sederhana sifatnya, serta tidak bertentangan hukum syariat serta adab yang digariskan dalam ajaran Islam. Dengan demikian maka tidak menjadi satu kejanggalan apabila Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak dipersembahkan dalam majlis-majlis berkaitan agama seperti perkahwinan, khatam Al-Quran dan berkhatan, sebagaimana yang dinyatakan dalam tulisan Bukhari (1994: 132).

Berbanding kedua-dua kajian di atas yang terbit sebagai bab dalam buku, korpus ilmiah mengenai Dikir Al-Burdah di Sarawak semakin diperkaya dengan sebuah tesis master yang diusahakan oleh Noryamisma Binti Ismail (seterusnya Noryamisma) berjudul “Tema Keislaman dalam Lirik Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak, Malaysia” (2018). Tesis ini antara lain membangkitkan persoalan tentang perkaitan antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, sebagaimana yang telah terlebih dahulu diperkukuhkan dalam tulisan Raslie (1988) dan tulisan Bukhari (1994). Tesis Noryamisma ini memberikan fokus terhadap kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Sarawak, iaitu lokasi yang dinyatakan secara sepintas lalu dalam tulisan Raslie (1988), sebagaimana yang telah dinyatakan di atas. Dengan fokus ini, tesis Noryamisma menganalisis 24 lirik lagu Dikir Al-Burdah, selain turut mencatatkan tentang kegiatannya di kampung tersebut. Hasil analisisnya mendapati bahawa lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji menggarap tema-tema keislaman yang mengandungi seruan-seruan yang sejajar dengan ajaran Al-Quran dan Al-Hadis (Noryamisma, 2018: 102-104). Tesis ini turut mencatatkan bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Sarawak bersusur galur daripada ajaran yang dibawa oleh seorang pendakwah dari Semenanjung Tanah Arab bernama Sheikh Hj. Abd. Karim. Kegiatan ini kemudiannya berkembang dari satu generasi ke generasi yang lain sehingga diwarisi oleh Tuan Haji Abdul Karim yang mengasaskan kampung tersebut. Ketika penyelidikan dilakukan, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, Sarawak secara aktif digiatkan oleh Persatuan Sinar Budaya yang dipengerusikan oleh Cik Radiah binti Haji Mohd. Tahir (Noryamisma, 2018: 45-46). Selain dapatan-dapatan di atas, tidak kurang menarik ialah sorotan Noryamisma terhadap kajian oleh Sakinah Abu Bakar (seterusnya Sakinah) tentang kegiatan qasidah Burdah di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah. Dalam artikelnya bertajuk “Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah” (2014), Sakinah mencatatkan tentang kegiatan yang dijalankan oleh “Sautunnisak”, iaitu sebuah kumpulan qasidah burdah yang dianggotai oleh kaum wanita di kampung tersebut. Dapatan Sakinah ini semakin memperluaskan lagi korpus ilmu tentang tradisi Al-Burdah di Malaysia.

Merujuk kepada kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak, perkembangan semasa menyaksikan bahawa korpus ilmiah mengenainya semakin bertambah dengan artikel oleh Noryamisma Ismail, Mohd. Zariat Abdul Rani, Fazilah Husin dan Norazlina Haji Mohd Kiram (seterusnya Noryamisma et. al.) berjudul “Islam dalam Persembahan Dikir Al-Burdah oleh Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan, Kampung Sessang, Sarawak” (2018). Artikel ini antara lain melanjutkan pengkajian terhadap kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak yang telah dirintis oleh Haji Muhammad Bukhari Lubis (1994) berasaskan pengamatan yang dilakukannya pada tahun 1983. Dalam jangka masa lebih 24 tahun, artikel Noryamisma et. al. diusahakan dengan tujuan untuk mencatatkan perkembangan semasa kegiatan Dikir Al-Burdah di kampung tersebut, selain menganalisis lirik lagu yang dipersembahkan di kampung tersebut. Artikel ini mencatatkan bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak pada masa kini giat dijalankan oleh Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan yang ditubuhkan sejak tahun 2010. Selain itu, lirik lagu-lagu Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di kampung tersebut juga didapati mengutarakan tema-tema yang seiring dengan ajaran Islam.

### **PERMASALAHAN KAJIAN**

Perbincangan di atas berusaha untuk menyoroti korpus ilmiah semasa mengenai kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak. Secara keseluruhannya, sorotan di atas melakarkan dua perkara penting yang mengundang penelitian yang selanjutnya. Pertama, kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada dalam mengaitkan kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam. Soal perkaitan antara kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam dibangkitkan seawal tulisan Raslie (1988) dan tulisan Bukhari (1994) dan seterusnya diberikan fokus yang lebih khusus oleh tesis master oleh Noryamisma (2018) dan artikel Noryamisma et. al. (2018). Kedua-dua kajian yang mutakhir di atas memberikan fokus terhadap persoalan tersebut dengan menganalisis lirik lagu Dikir Al-Burdah di Sarawak. Adalah jelas bahawa soal perkaitan antara kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, menjadi perkara penting yang diberikan perhatian.

Kedua dan sehubungan dengan di atas ialah soal lokasi kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak yang telah dikaji sehingga kini. Adalah jelas bahawa kajian-kajian yang mengisi korpus ilmiah semasa hanya mencatatkan serta mengkaji kegiatan Dikir Al-Burdah di dua buah kampung di Sarawak, iaitu Kampung Hulu di Daerah Sri Aman dan Kampung Sessang di Daerah Kecil Kabong. Tinjauan awal mendapati bahawa selain kedua-dua kampung tersebut, terdapat sebuah lagi kampung di Sarawak yang sehingga kini dan sepanjang diketahui, belum lagi dikaji secara sistematik. Ini merujuk kepada Kampung Melango Baru yang terletak di Daerah Saratok, Bahagian Betong, Sarawak. Dari segi lokasi, Kampung Melango Baru terletak kira-kira 131 km dari Kampung Hulu, Daerah Sri Aman, dan 38.2 km dari Kampung Sessang, Daerah Kecil Kabong. Tinjauan awal juga mendapati bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru kini giat dijalankan bermula sejak akhir tahun 2011, khususnya melalui sebuah pertubuhan kebudayaan yang telah ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2009. Ini bererti, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak telah berlangsung selama kira-kira tujuh tahun. Berasaskan fakta tersebut, dapat dikatakan bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru telah berjalan secara sistematik khususnya melalui sebuah pertubuhan kebudayaan yang didaftarkan secara sah, dan telah beroperasi dalam satu jangka masa yang konsisten. Justeru, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru wajar diberikan perhatian yang serius melalui sebuah kajian ilmiah yang sistematik. Seterusnya, sejajar dengan kecenderungan kajian-kajian ilmiah sedia ada yang mengaitkan Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam, penelitian awal terhadap kegiatannya di Kampung Melango Baru wajar memberikan perhatian terhadap persoalan tersebut.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Bertitik tolak daripada justifikasi di atas, objektif kajian ini mencatatkan perkembangan semasa dalam kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak. Selain itu, kajian ini juga bertujuan menganalisis tema-tema dalam lirik lagu Dikir Al-Burdah, serta merumuskan soal kesejajaran antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

### **METODOLOGI DAN BAHAN KAJIAN**

Kajian ini mengguna pakai pendekatan kualitatif secara khusus iaitu kaedah wawancara dan kaedah analisis isi kandungan. Kedua-dua kaedah ini dijangka dapat merealisasikan objektif-objektif kajian yang secara keseluruhannya bertujuan mencatatkan tentang kegiatan dan menganalisis lirik lagu Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan di kampung yang dikaji.

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, kajian ini memfokuskan pada kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru yang terletak di Daerah Saratok, Bahagian Betong (bahagian ke-11 negeri Sarawak). Dari segi lokasi, Kampung Melango Baru berada di bahagian timur laut negeri Sarawak, dengan jarak kira-kira 234 km, atau lima jam perjalanan darat dari Kuching iaitu ibu negeri Sarawak. Kampung Melango Baru merupakan sebuah perkampungan yang sebahagian besarnya didiami oleh masyarakat Melayu dan beragama Islam (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017). Berdasarkan tinjauan awal, kegiatan Dikir Al-Burdah di kampung ini diterajui oleh Pertubuhan An-Nur (seterusnya PAN) yang ditubuhkan secara rasmi pada 21 Disember 2009. Kegiatan Dikir Al-Burdah dikatakan telah berlangsung sejak akhir tahun 2011. PAN diasaskan serta dipengerusikan oleh Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman, seorang lelaki berusia 69 tahun, yang merupakan penduduk anak jati yang lahir di Kampung Melango Baru.

Dengan latar belakang di atas, kajian ini menjadikan PAN sebagai kumpulan kajian yang diamati bagi mendapatkan gambaran tentang tatacara serta bentuk persembahan Dikir Al-Burdah yang berlangsung di Kampung Melango Baru. Selain itu, Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman diwawancara bagi tujuan mendapatkan maklumat berkaitan kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, termasuk latar belakang kegiatan, selain penubuhan serta kegiatan persembahan Dikir Al-Burdah yang dijalankan oleh PAN. Melalui Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman juga, kajian ini

memperoleh lapan lirik lagu Dikir Al-Burdah yang dipersembahkan oleh PAN. Lirik-lirik lagu ini diperolehi dalam bentuk salinan fotokopi yang disalin daripada versi bercetak (printed version) kepunyaan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman. Versi lirik dikir ini juga dijadikan rujukan oleh anggota PAN ketika sesi latihan dan persembahan sebenar. Daripada lapan buah lirik yang diperolehi itu, bacaan awal mendapati bahawa terdapat dua lirik yang menyerlahkan kecenderungan yang paling jelas terhadap Islam, dan justeru dianalisis dalam kajian ini. Dua lirik lagu tersebut ialah “Solat Lima Waktu” hasil nukilan oleh Pertubuhan An-Nur dan “Taubat Maksiat” yang diadaptasi daripada lirik yang ditulis oleh Apoy dan dinyanyikan oleh Wali Band, sebuah kumpulan muzik popular dari Indonesia.

Selain mencatatkan kegiatan persembahan oleh PAN, kedua-dua lirik di atas akan dianalisis bagi mengenal pasti tema-tema yang digarap di dalamnya. Dalam konteks kajian ini, “tema” merujuk kepada idea pokok yang menunjangi sesebuah teks sastera. Pengertian ini diasaskan pada penjelasan Lukman Ali (1967), A. Bakar Hamid (1968), Hashim Awang (1987) dan Mana Sikana (1988) yang kesemuanya memberikan kupasan tentang pengertian “tema”. Oleh kerana genre yang dianalisis ialah lirik, maka pengenalanpastian “tema” atau idea pokok dalam lirik dikir yang dianalisis dilakukan dengan meneliti perkataan atau ungkapan yang mengisi ayat, baris serta rangka dalam lirik dikir yang dianalisis. Penelitian ini difokuskan kepada pengertian maksud yang timbul, hasil daripada penggunaan perkataan atau ungkapan yang dipilih. Seterusnya, tema-tema yang dikenal pasti itu akan disejajarkan dengan ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis iaitu dua sumber ilmu yang paling berautoriti dalam tradisi keilmuan Islam. Untuk itu, kajian ini akan merujuk dua kitab tafsir Al-Quran yang masyhur. Pertama, Tafsir Al-Azhar hasil karangan Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah r.h. (Hamka). Kedua, Tafsir Ibnu Katsier hasil karangan Ibnu Katsier r.h. yang diterjemahkan ke bahasa Indonesia oleh H. Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy. Selain itu, kajian ini memanfaatkan dua versi terjemahan kitab hadis yang masyhur karangam Imam Nawawi r.h. berjudul Riyadhus Shalihin, iaitu versi bahasa Malaysia yang diterjemahkan oleh Ainon Mohd, Arieff Salleh Rosman, Wardah, Muzayanah, Nabilah, Norida, Normah dan Nor Ahmad (seterusnya Ainon Mohd et. al.) yang diterbitkan oleh PTS Islamika Sdn. Bhd. pada tahun 2012. Manakala, satu lagi ialah versi bahasa Indonesia yang diterjemahkan oleh Zenal Mutaqin, dkk. yang diterbitkan oleh Penerbit Jabal pada tahun 2010. Sumber-sumber rujukan di atas dimanfaatkan bagi merumuskan soal kesejajaran antara Dikir Al-Burdah di Sarawak dengan Islam.

## DAPATAN KAJIAN

### **Kegiatan Persembahan Dikir Al-Burdah Oleh Pertubuhan An-Nur, Kampung Melango Baru, Saratok, Sarawak**

Dari segi perkembangan, kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru dimulakan sejak akhir tahun 2011. Akan tetapi sejarah perkembangan dikir tersebut gagal diperolehi (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 8 Mac 2013). Kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru diterajui oleh Pertubuhan An-Nur (seterusnya PAN) yang telah ditubuhkan pada tahun 2006. PAN hanya mendapat pengesahan rasmi daripada Pendaftar Pertubuhan Malaysia pada 21 Disember 2009 setelah tiga tahun permohonan. Penubuhan PAN adalah atas inisiatif Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman yang juga merupakan pengerusi PAN. Penubuhan PAN didorong oleh aspirasi untuk melestarikan seni warisan. Lebih penting lagi dalam konteks kajian ini ialah pandangan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman bahawa persembahan Dikir Al-Burdah mempunyai kaitannya dengan Islam sebagaimana yang antaranya dimanifestasikan pada lirik lagu yang dipersembahkan, seperti yang dinyatakan oleh beliau sendiri iaitu, “Ya, sememangnya Dikir Al-Burdah ini berkaitan dengan Islam” (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017).

Sehingga tahun 2017, PAN mempunyai ahli seramai 35 orang, yang terdiri daripada enam orang lelaki dan selebihnya wanita (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017). Pada masa kini, PAN aktif mengadakan persembahan Dikir Al-Burdah untuk majlis perkahwinan, menyambut kedatangan orang baru (menyambut kelahiran bayi), menyambut kedatangan orang-orang kenamaan, menyelamat rumah baru (kenduri setelah terbinanya kediaman

baharu) upacara cukur jambul, sambutan Maulidur Rasul dan sebagainya. Sebagai pengerusi, urusan undangan dan tempahan persembahan diuruskan oleh Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman. PAN pada mulanya bergurukan kepada Abg. Rosli bin Abg. Anyut (penduduk asal Sri Aman) untuk mempelajari Dikir Al-Burdah. Latihan kebiasaannya diadakan pada hujung minggu atau cuti umum sahaja kerana Abg. Rosli bin Abg. Anyut hanya akan ke Kampung Melango Baru pada masa-masa tersebut. Tetapi pada masa ini, ahli PAN boleh berlatih sendiri tanpa berguru dengan Abg. Rosli bin Abg. Anyut lagi kerana ahlinya semakin mahir. Ahli PAN hanya akan berguru daripada Abg. Rosli bin Abg. Anyut sekiranya ada lagu dikir yang baharu. Sekiranya mendapat undangan, latihan akan lebih kerap, iaitu sekali ataupun dua kali dalam seminggu. Latihan kebiasaannya berlangsung di rumah Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman. Selain di Kampung Melango Baru, PAN turut menerima undangan daripada pihak luar. Melalui kegiatan yang dijalankan, PAN menaruh harapan tinggi agar warisan Dikir Al-Burdah terus lestari serta tidak hilang ditelan zaman (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017).

Dari segi bentuk, Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru dipersembahkan secara berkumpulan, dengan diiringi paluan rebana yang dimainkan oleh setiap ahli kumpulan. Tetapi, sekiranya terdapat sesuatu peristiwa yang tidak dijangka, ahli PAN juga akan menggunakan kompang. Kebiasaannya, setiap persembahan melibatkan seramai 15 sehingga 20 orang ahli termasuk lelaki dan wanita. Ahli akan duduk dalam satu barisan melengkung agar setiap ahli tidak terselindung antara satu sama lain. Formasi ini turut bergantung kepada kesesuaian pentas atau tempat persembahan (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017). Semua ahli memakai pakaian yang mematuhi hukum aurat dalam ajaran Islam. Semua ahli menyanyikan lagu Dikir Al-Burdah sambil memukul rebana. Untuk sebuah lagu, kebiasaannya akan mengambil masa lebih kurang 15 hingga 20 minit. Asalnya, lagu Dikir Al-Burdah merupakan himpunan lagu-lagu zikir dalam bahasa Arab yang diambil daripada risalah Barzanji. Lagu dikir tersebut kebanyakannya berbentuk puisi lama yang biasanya mengandungi kata-kata pujian untuk Allah s.w.t. dan juga junjungan mulia Nabi Muhammad s.a.w. Selain mengalunkan lagu-lagu “barzanji”, PAN turut mempersembahkan lagu yang ditulis dalam bahasa Melayu yang dinukilkan sendiri oleh PAN dan juga diadaptasikan daripada lagu popular Indonesia (Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 8 Mac 2013). Antaranya ialah dikir bertajuk “Solat Lima Waktu” dan “Taubat Maksiat” yang menjadi bahan analisis untuk kajian ini.

### **Analisis Lirik Dikir Al-Burdah Pertubuhan An-Nur, Di Kampung Melango Baru, Saratok, Sarawak**

#### ***Tema Kewajipan Solat***

Seterusnya, kajian ini mendapati bahawa kewajipan solat mengisi garapan tema keislaman dalam Dikir Al-Burdah di Sarawak iaitu melalui lirik dikir yang berjudul “Solat Lima Waktu”. Lirik ini ditulis oleh Pertubuhan An-Nur, Kampung Melango Baru, Saratok. Dari segi struktur, lirik dikir ini mengandungi enam rangkap. Tiga rangkap iaitu rangkap pertama, keempat dan juga keenam, mengandungi lima baris, dua rangkap lagi iaitu rangkap kedua dan juga rangkap kelima, mempunyai enam baris, manakala satu rangkap lagi iaitu rangkap ketiga mempunyai dua baris. Setiap baris pula mempunyai dua hingga empat perkataan. Satu rangkap lirik ini menggunakan rima akhir a/b, manakala satu rangkap lagi menggunakan rima akhir a/b/a/b/a/b. Manakala, tiga rangkap lagi menggunakan rima akhir bebas yang tidak terikat dengan pola tertentu.

Analisis awal mendapati bahawa lirik dikir ini menggarap tema “kewajipan solat”. Garapan tema ini jelas pada pengertian yang terkandung pada lirik lagu ini. Rangkap pertama; baris pertama hingga baris kelima menghadirkan seruan yang mengajak orang mukmin supaya mengerjakan sembahyang lima waktu (fardu, wajib) sehari semalam, iaitu terdiri daripada Subuh, Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak, sebagaimana yang dapat diamati dalam petikan lirik dikir sebagaimana dalam ungkapan berikut, “Tak dapat ditawar/ Tak dapat ditambah/ Apatah lagi dikurangi/ Itulah kewajipan solat/ Yang lima waktu”. Seruan yang sama diulangi dalam rangkap keempat dan keenam iaitu rangkap terakhir lirik dikir ini.

Rangkap kedua; baris pertama hingga keenam pula menghadirkan seruan supaya orang mukmin mendisiplinkan diri dengan menunaikan kewajipan solat lima waktu yang disyariatkan kepada seluruh umat Islam tanpa mengira pangkat dan kedudukan. Dengan seruan itu, solat juga dianggap sebagai kayu ukur ketaatan seorang khalifah dengan penciptanya kerana solat adalah tiang agama dan penghulu kepada amal yang lain, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Lima waktu kewajipan/ Utama umatmu/ Untuk menyembah/ Kepada Mu Ya Tuhan/ Susah dan senang/ Miskin atau kaya”.

Rangkap ketiga; baris pertama hingga baris keempat menghadirkan ungkapan “Solat lima waktu/ Wajib dikerjakan/ Solat lima waktu/ Wajib dikerjakan”. Ungkapan ini hadir sebagai penegasan terhadap isi dikir yang ingin disampaikan pada rangkap seterusnya nanti.

Rangkap keempat sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, mengulang semula sepenuhnya rangkap pertama, sebagaimana dalam petikan berikut, “Tak dapat ditawar/ Tak dapat ditambah/ Apatah lagi dikurangi/ Itulah kewajipan solat/ Yang lima waktu”.

Rangkap kelima; baris pertama hingga keenam pula menghadirkan seruan supaya orang mukmin menunaikan sembahyang di awal waktu dan hendaklah dilaksanakan dengan penuh khusyuk (merendahkan diri dengan perasaan takut di samping tenang anggota badan) dan tawaduk (bersungguh-sungguh atau sebulat hati) agar mendapat hidayah dan rahmat daripada Allah s.w.t. sebagaimana yang jelas dalam rangkap dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Solat lima waktu/ Disiplin waktunya/ Setiap saat dan waktu/ Hadir kepada-Nya/ Dengan khusyuk dan tawaduk/ Datang menghadap-Nya”.

Rangkap keenam iaitu rangkap terakhir, sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, mengulang semula sepenuhnya rangkap pertama, sebagaimana dalam petikan berikut, “Tak dapat ditawar/ Tak dapat ditambah/ Apatah lagi dikurangi/ Itulah kewajipan solat/ Yang lima waktu”. Dengan maksud-maksud yang terkandung dalam enam rangkap di atas, analisis ini mendapati bahawa lirik berjudul “Solat Lima Waktu” menggarap tema “kewajipan solat”.

Seterusnya, analisis ini mendapati bahawa tema kewajipan solat yang digarap dalam lirik-lirik dikir di atas adalah seiring dengan ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Kesejajaran ini jelas apabila soal pentingnya kewajipan mendirikan solat dinyatakan dalam Al-Quran Surah Al- ‘Ankabut, Ayat 45 yang antara lain bermaksud:

*“Bacalah apa yang telah diwahyukan kepada engkau daripada Al-Kitab dan dirikanlah sembahyang; sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari yang keji dan yang munkar. Dan sesungguhnya ingat kepada Allah itu adalah lebih besar. Dan Allah Mengetahui apapun yang kamu perbuat” (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 11).*

Merujuk ayat Al-Quran di atas, Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah r.h. (atau lebih dikenali sebagai Hamka r.h.) (seterusnya Haji Abdul Malik r.h.) dalam Tafsir Al-Azhar (1984a) antara lain menjelaskan bahawa solat fardu lima waktu sehari wajib dikerjakan kerana solat itu dapat mencegah diri daripada melakukan perkara-perkara yang keji dan munkar. Haji Abdul Malik r.h. juga menjelaskan bahawa solat mampu melatih manusia untuk sentiasa ingat kepada Allah s.w.t., sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau dalam petikan yang dikutip di bawah:

*“Di dalam ayat ini dijelaskan akibat atau kesan yang nyata dan jelas, atau yang positif dari sembahyang; “Sesungguhnya sembahyang itu adalah mencegah dari yang keji dan yang munkar”. Bahagian dari ayat ini telah menjelaskan bahwa sembahyang itu adalah benteng. Dengan mengerjakan sembahyang lima waktu sehari semalam, yaitu pada waktu-waktu yang penting; fajar, zhuhur, ‘ashar, maghrib dan ‘isya, artinya kita telah membentengi diri dengan selalu menghubungi*



*Tuhan. Ibaratnya sembahyang itu mempunyai sirkel. Ibarat kita memukul gong, gema suara gong itu memantul kepada masa yang sebelumnya dan sesudahnya menurut ukuran radius tertentu, sehingga kita tidak terlepas dari suasana sembahyang. Kekuatan gema sembahyang shubuh masih mengalir menjalar kepada masa sembahyang zuhur. Demikian juga dari zhuhur ke 'ashar, dari 'ashar ke maghrib dan dari maghrib ke 'isyaa. Niscaya sembahyang yang akan dapat jadi benteng, membenteng diri kita daripada perbuatan keji, seperti berzina, merampok, merugikan orang lain, berdusta, menipu dan segala perbuatan munkar, ya 'ni yang dapat celaan dari masyarakat, ialah sembahyang yang dikerjakan dengan khusyu', dengan ingat bahwa maksud sembahyang ialah karena melatih diri selalu dzikir, yaitu selalu ingat kepada Allah" (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984a: 12-13).*

Merujuk ayat Al-Quran yang sama juga, Ibnu Katsier r.h. dalam Tafsir Ibnu Katsier (1994) antara lain menjelaskan bahawa seluruh umat Islam diwajibkan untuk memahami isi kandungan Al-Quran. Menurut Ibnu Katsier r.h. lagi, umat Islam juga diperintahkan oleh Allah s.w.t. untuk menunaikan solat kerana solat dapat mencegah diri daripada melakukan perkara-perkara mungkar, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Katsier r.h. yang diterjemahkan pula oleh H. Salim Bahreisy dan H. Said Bahreisy (seterusnya H. Salim & H. Said) dalam petikan yang dikutip di bawah:

*Allah memerintahkan Rasul-Nya dan orang-orang mukmin agar membaca Kitab Allah Al-Qur'an dengan memahami isinya kemudian menyampaikannya kepada umat manusia. Juga Allah memerintahkan agar mendirikan shalat, karena shalat itu jika dilakukannya dengan tertib dan tekun akan mendorong pelakunya meninggalkan perbuatan-perbuatan yang keji dan mungkar (Ibnu Katsier, 1994: 211).*

Analisis ini juga mendapati bahawa soal pentingnya kewajipan mendirikan solat turut dinyatakan dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Bukhari r.h. dan Muslim r.h., yang antara lain bermaksud:

*Dari Abu Hurairah r.a., ia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Bagaimana pendapat kalian, seandainya ada sebarang sungai di depan pintu salah seorang kalian, ia mandi dari sungai itu setiap hari lima kali, apakah masih tersisa kotoran?" Para sahabat menjawab: "Tidak." Rasulullah s.a.w. bersabda: "Maka demikianlah perumpamaan sholat lima waktu. Dengannya Allah menghapus semua kesalahan (dosa kecil yang berhubung dengan Allah Ta'ala) (Imam Nawawi, 2010: 353).*

Dalam sebuah hadis sahih lain yang diriwayatkan oleh Bukhari r.h. dan Muslim r.h., Rasulullah s.a.w. bersabda yang antara lain bermaksud:

*Dari Utsman bin Affan r.a., ia berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda: "Seorang Muslim yang akan melakukan sholat fardhu, lalu ia menyempurnakan wudhunya, khusyu'nya dan ruku'nya, maka dapat dipastikan sholatnya merupakan kafarat dari dosa-dosa sebelumnya, selagi dosa besar tidak dikerjakan. Dan itu berlaku sepanjang tahun (Imam Nawawi, 2010: 354).*

Analisis di atas berusaha untuk menjelaskan bahawa soal kewajipan mendirikan solat menjadi antara perkara penting yang terkandung dalam ajaran Islam. Pemahaman ini diasaskan pada tafsiran serta huraian terhadap ayat Al-Quran dan Al-Hadis yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kepada pemahaman ini, dapat dirumuskan bahawa tema kewajipan mendirikan solat yang digarap dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji adalah seiring dengan ajaran Islam.

### **Tema Taubat**

Seterusnya, analisis ini beralih pula kepada lirik Dikir Al-Burdah di Sarawak yang menggarap tema taubat. Tema ini terkandung dalam lirik dikir yang berjudul “Taubat Maksiat”. “Taubat Maksiat” ini merupakan judul lagu yang dipopularkan oleh Kumpulan Wali Band, Indonesia dan merupakan hasil nukilan Apoy. Lirik dikir ini merupakan adaptasi daripada lagu popular Indonesia ke dalam bentuk dan irama dikir oleh Abg. Rosli bin Abg. Anyut, iaitu guru Dikir Al-Burdah kepada Pertubuhan An-Nur yang berpusat di Kampung Melango Baru, Saratok. Dari segi struktur, lirik dikir ini mengandungi empat rangkap. Satu rangkap iaitu rangkap pertama, mengandungi 13 baris, dua rangkap lagi iaitu rangkap kedua dan keempat mempunyai lapan baris, manakala satu rangkap lagi iaitu rangkap ketiga mempunyai tujuh baris. Setiap baris pula mengandungi dua hingga enam perkataan sebaris. Satu rangkap lirik ini menggunakan rima akhir *a/a/a/a/a/a/a/a/a/a/a* dan dua rangkap lagi menggunakan rima *a/a/b/a/a/a/b*. Manakala, satu rangkap lagi menggunakan rima akhir bersifat bebas yang tidak terikat dengan pola tertentu.

Analisis awal mendapati bahawa lirik dikir ini menggarap tema “taubat”. Garapan tema ini dapat diamati secara jelas pada judul dikir iaitu “Taubat Maksiat”. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2010: 1616 & 984), perkataan “taubat” merujuk kepada “penyesalan akan dosa ataupun perbuatan jahat”. Manakala, perkataan “maksiat” pula merujuk kepada “perbuatan yang berdosa, keji dan melanggar perintah Allah”. Maksud kedua-dua perkataan ini jelas berkait rapat dengan penyesalan terhadap kesalahan yang telah dilakukan. Dengan pengertian ini, pemilihan perkataan “taubat” dan “maksiat” sebagai judul dikir dapat memberikan gambaran awal terhadap tema tentang taubat yang bakal digarap.

Rangkap pertama; baris pertama hingga baris ke-13 menghadirkan seruan agar khalayak agar menyesali segala perbuatan dosa yang telah dilakukan dan memohon keampunan kepada Allah s.w.t. Dalam lirik ini, soal taubat hendaklah disegerakan sebelum nyawa sampai ke penghujungnya dan sentiasa diiringi dengan lafaz istighfar iaitu “Astaghfirullahal a’zim” yang bermaksud “Aku memohon keampunan daripada Allah, Yang Maha Agung”, sebagaimana yang dapat diamati dalam petikan lirik dikir yang sebagaimana dalam ungkapan berikut, “Dengarlah sahabat/ Saat kau maksiat/ Kau bayangkan ajal mendekat/ Apakah kau buat/ Kau takkan selamat/ Pasti dirimu habis dan tamat/ Bukankah sesaat, sebelum terlambat/ Ayuh sama kita bertaubat/ Dunia sesaat/ Awas kau tersesat/ Ingatlah masih ada akhirat/ Astaghfirullahal‘azim”.

Rangkap kedua; baris pertama hingga baris kelapan pula menghadirkan seruan agar khalayak sentiasa mengingati kematian, mengingati saat duka dan menyesali segala perbuatan keji yang telah dilakukan serta sentiasa memohon keampunan daripada Allah s.w.t. Dengan seruan itu, orang mukmin dianggap akan memenuhi syarat-syarat taubat termasuklah meninggalkan perbuatan maksiat ataupun dosa tersebut, menyesali perbuatan tersebut serta bertekad untuk tidak mengulanginya, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Ingat mati, ingat sakit/ Ingatlah saat kau sulit/ Ingat-ingat hidup cuma satu kali/ Berapa doa kau buat/ Berapa kali maksiat/ Ingat-ingat taubat/ Ingatlah akhirat/ Cepat ucap astaghfirullahal‘azim”. Seruan yang sama diulangi dalam rangkap keempat iaitu rangkap terakhir lirik dikir ini. Penting dijelaskan bahawa merujuk kepada syarat-syarat taubat, Imam Nawawi r.h. dalam kitab Riyadus Solihin (2012) menjelaskan seperti berikut:

*“Bertaubat daripada dosa adalah satu kewajipan. Sekiranya dosa yang dilakukan itu berkaitan dengan hubungan manusia dengan Allah s.w.t., bukan dengan sesama manusia, maka taubatnya hendaklah memenuhi tiga syarat iaitu: 1) perlu berhenti atau meninggalkan perbuatan dosa tersebut, 2) perlu menyesali atas perbuatan dosa tersebut dan, 3) perlu berjanji tidak mengulangi dosa tersebut di kemudian hari. Sekiranya salah satu daripada syarat ini tidak dicapai, maka Allah s.w.t. tidak menerima taubat seseorang itu” (Imam Nawawi, 2012: 7).*

Rangkap ketiga; baris pertama hingga baris ketujuh turut menghadirkan seruan agar khalayak menginsafi kematian. Hal ini kerana semua makhluk yang bernyawa pasti juga akan mati atau meninggal dunia walaupun tidak diketahui bilakah tibanya saat kematian tersebut. Dengan seruan itu, orang mukmin diharapkan agar melazimi lafaz istighfar iaitu “Astaghfirullah” yang bermaksud “Aku memohon keampunan daripada Allah, Yang Maha Agung”, sebagaimana yang terkandung dalam rangkap dikir yang diturunkan dalam petikan ini, “Pandanglah di sana/ Lihatlah yang di sana/ Mereka terbaring di tanah/ Bukankah mereka/ Pernah hidup juga/ Kita pun menyusul mereka/ Astaghfirullahal‘azim”.

Rangkap keempat sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, mengulang semula sepenuhnya rangkap pertama, sebagaimana dalam petikan berikut, “Ingat mati, ingat sakit/ Ingatlah saat kau sulit/ Ingat-ingat hidup cuma satu kali/ Berapa doa kau buat/ Berapa kali maksiat/ Ingat-ingat taubat/ Ingatlah akhirat/ Cepat ucap astaghfirullahal‘azim”. Dengan maksud-maksud yang terkandung dalam empat rangkap di atas, analisis ini mendapati bahawa lirik dikir berjudul “Taubat Maksiat” menggarap tema “taubat”.

Seterusnya, analisis ini mendapati bahawa tema taubat yang digarap dalam lirik-lirik dikir di atas adalah seiring dengan ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Kesejajaran ini jelas apabila soal pentingnya taubat dinyatakan dalam Al-Quran Surah Hud, Ayat 3 yang antara lain bermaksud:

*“Dan bahwa hendaklah kamu memohon ampun kepada Tuhan kamu, kemudian taubatlah kepada-Nya, niscaya akan dianugerahi-Nya kamu satu kesenangan yang baik sampai waktu yang tertentu, dan niscaya akan diberikan-Nya kepada tiap-tiap orang yang empunya keutamaan akan keutamaan-Nya pula. Dan jikalau kamu berpaling, maka sesungguhnya takut aku akan menimpa atas kamu azab hari yang besar” (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984b: 5).*

Merujuk ayat Al-Quran di atas, Haji Abdul Malik r.h. dalam Tafsir Al-Azhar (1984b) antara lain menjelaskan bahawa seluruh umat manusia terutamanya yang beragama Islam diwajibkan untuk menyembah Allah s.w.t. dan tidak menduakan-Nya serta melaksanakan ajaran Islam sebagaimana yang diajar oleh Rasulullah s.a.w. Menurut Haji Abdul Malik r.h. lagi, mereka yang melakukan kesalahan dan mengingkari perintah Allah s.w.t. hendaklah memohon keampunan kepada Allah s.w.t. dan bertaubat dengan sebenar-benar taubat. Hal ini kerana Allah s.w.t. telah menjanjikan akan memberikan ganjaran pahala, sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau dalam petikan yang dikutip di bawah:

*“Arti taubat ialah kembali. Maka hendaklah mereka kembali ke dalam jalan yang benar. Maka orang yang telah insaf akan kesalahannya, mohon ampun dan taubat, permohonannya itu akan dikabulkan oleh Tuhan...Pada lanjutan ayat ini teranglah tingkat-tingkat penyempurnaan yang ditempuh oleh seorang yang beriman. Pertama dia memohon ampun atas kesalahannya selama ini, zaman jahiliyah, disertai meminta taubat (Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 1984b: 8-9).*

Merujuk ayat Al-Quran yang sama juga, Ibnu Katsier r.h. dalam Tafsir Ibnu Katsier (1988) menjelaskan bahawa Al-Quran adalah merupakan sebuah kitab yang mengandungi firman (ucapan) Allah s.w.t. yang mengandungi nasihat, hukum dan tuntutan serta berbagai kisah sebagai pedoman dan petunjuk hidup kepada manusia. Menurut Ibnu Katsier r.h. lagi, Al-Quran juga mengandungi peringatan supaya manusia agar tidak menyembah selain Allah s.w.t. dan segera bertaubat setelah melakukan kesalahan dan mengingkari perintah Allah s.w.t, sebagaimana yang dijelaskan oleh Ibnu Katsier r.h. dan diterjemahkan oleh H. Salim & H. Said dalam petikan yang dikutip di bawah:

*Allah berfirman, bahwa al-Quran ini adalah sebuah kitab yang diturunkan dari sisi-Nya, yang tersusun rapi kata-katanya dan jelas terperinci maksud dan tujuannya. Ia*

Noryamisma Ismail, Mohd. Zariat Abdul Rani, Fazilah Husin dan Norazlina Haji Mohd Kiram

*diturunkan dari sisi Allah, Tuhan Yang Maha Bijaksana lagi Maha Mengetahui, dengan tuntutan agar hamba-hamba-Nya tidak menyembah Tuhan selain Allah dan agar mereka meminta ampun serta bertobat kepada-Nya dari dosa-dosa yang telah diperbuatnya. Karena dengan berbuat demikian, Allah akan memberi kenikmatan duniawi kepada mereka untuk sesuatu waktu yang telah ditentukan dan kelak di akhirat tiap orang yang mempunyai keutamaan dibalas sesuai dengan keutamaannya. Dan Muhammad Rasulullah sesungguhnya hanyalah pembawa peringatan bagi orang-orang yang sesat dan berita gembira bagi orang-orang yang mukmin dan saleh (Ibnu Katsier, 1988: 265-266).*

Analisis ini juga mendapati bahawa soal pentingnya taubat turut dinyatakan dalam sebuah hadis sahih yang diriwayatkan oleh Abu Daud r.h., yang antara lain bermaksud:

*“Luasnya pengampunan Allah, natijah istighfar. Seseorang yang memohon ampun kepada Allah akan merasakan bahawa dia bernaung di bawah naungan Zat Yang Maha Pengampun dan Maha penyayang, Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana. Sehingga hatinya akan merasa tenang, dadanya akan lapang dan tekadnya akan semakin kuat. Dia merasa betapa kasih dan keredaan Allah sentiasa menyertainya sehingga selalu optimis dalam mengharungi kehidupan dan tidak ada sedikit pun rasa pesimis. Rasulullah bersabda: “Sesiapa yang banyak istighfar, maka Allah akan memberikan baginya kelapangan daripada kesusahan, jalan keluar daripada setiap kesempitan dan memberikannya rezeki dari arah yang tidak diduga” (Imam Nawawi, 2010: 542).*

Dalam sebuah hadis sahih lain yang diriwayatkan oleh Tirmidzi r.h., Rasulullah s.a.w. bersabda yang antara lain bermaksud:

*Dari Abu Abdurrahman Abdullah bin Umar bin Khaththab r.a., Nabi Muhammad s.a.w. bersabda: “Sesungguhnya Allah Yang Maha Agung akan menerima taubat seseorang sebelum nyawa sampai di tenggorakan (sebelum sekarat/sakaratul maut)” [huruf condong ditambah] (Imam Nawawi, 2010: 9).*

Analisis di atas berusaha untuk menjelaskan bahawa soal taubat menjadi antara perkara penting yang terkandung dalam ajaran Islam. Pemahaman ini diasaskan pada tafsiran serta huraian terhadap ayat Al-Quran dan Al-Hadis yang dinyatakan di atas. Berdasarkan kepada pemahaman ini, dapat dirumuskan bahawa tema taubat yang digarap dalam lirik Dikir Al-Burdah yang dikaji adalah seiring dengan ajaran Islam.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berhasil dalam mencatatkan tentang perkembangan semasa berkenaan kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok. Pengamatan mendapati bahawa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, Daerah Saratok digiatkan oleh Pertubuhan An-Nur (PAN) yang telah ditubuhkan secara rasmi pada 21 Disember 2009. Dari segi bentuk serta tatacara persembahan, PAN mempersembahkan Dikir Al-Burdah secara berkumpulan; melibatkan 15 sehingga 20 orang ahli termasuk lelaki dan wanita. Kesemua ahli memakai pakaian yang menutup aurat serta menepati syariat Islam. Persembahan PAN kebiasaannya diiringi oleh paluan rebana, melainkan jika terjadi perkara yang tidak terduga, mereka akan menggantikannya dengan paluan kompang. Dari segi lagu pula, PAN biasanya mengalunkan lagu yang ditulis dalam bahasa Melayu yang rata-rata ditulis sendiri oleh PAN. Terdapat juga lagu dikir yang diadaptasikan daripada lagu-lagu popular. Selain lagu-lagu Melayu, PAN turut mempersembahkan lagu-lagu dalam bahasa Arab daripada risalah “barzanji”. Berhasilnya kajian ini dalam mencatatkan tentang perkembangan semasa kegiatan Dikir Al-Burdah di Kampung Melango Baru, sekali gus bererti objektif pertama kajian ini telah dapat direalisasikan.

Seterusnya, dengan menjadikan dua buah lirik Dikir Al-Burdah dalam bahasa Melayu yang diperoleh daripada PAN, kajian ini telah mengenal pasti dua tema yang digarap di dalamnya. Analisis ini mendapati bahawa lirik dikir “Solat Lima Waktu” mengutarakan tema tentang kewajiban solat, manakala lirik dikir “Taubat Maksiat” pula mengutarakan tema tentang taubat. Pengenalpastian kedua-dua tema tersebut dengan sendirinya merealisasikan objektif kedua kajian ini. Sehubungan itu juga, analisis turut mendapati bahawa kedua-dua tema tersebut seiring dengan ajaran Islam, sebagaimana yang terkandung dalam Al-Quran dan Al-Hadis. Berdasarkan dapatan-dapatan ini, kajian ini berhasil dalam merumuskan bahawa seni persembahan Dikir Al-Burdah yang didendangkan oleh PAN, Kampung Melango Baru, Daerah Saratok, Sarawak menyerlahkan ciri-ciri keislaman. Rumusan ini dengan sendirinya merealisasikan objektif ketiga kajian ini. Secara keseluruhannya, kajian ini berserta hasil-hasil dapatannya diharap dapat memperkayakan lagi korpus penyelidikan tentang kegiatan Dikir Al-Burdah di Sarawak, dan seterusnya memelihara warisan persembahan Dikir Al-Burdah agar terus lestari serta tidak hilang ditelan zaman.

### RUJUKAN

- A.Bakar Hamid. (1989). Tema pada Sajak-Sajak Melayu. *Dewan Bahasa*. Januari. Hlm. 5.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). (1984a). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 18-19-20-21*. Surabaya: Yayasan Latimojong.
- Haji Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). (1984b). *Tafsir Al-Azhar Juzu' 10-11-12*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Haji Muhammad Bukhari Lubis. (1994). “Dendangan Puisi Al-Burdah di Kampung Sessang, Sarawak”. Dlm. *Persuratan Islam*. Hlm. 127-132. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haji Mustakin. (1999). *Indeks Al-Quran Panduan Mencari Ayat Al-Quran*. Kuala Lumpur: Pustaka Jiwa Sdn. Bhd.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ibnu Katsier. (1988). *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier*. Jilid 4. Terj. H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Ibnu Katsier. (1994). *Terjemahan Singkat Tafsir Ibnu Katsier*. Jilid 6. Terj. H. Salim Bahreisy & H. Said Bahreisy. Kuala Lumpur: Victory Agencie.
- Imam Nawawi. (2010). *Riyadhus Shalihin: Perjalanan Menuju Taman Surga*. (Penterjemah: Zenal Mutaqin, dkk). Bandung: Penerbit Jabal.
- Imam Nawawi (2012). *Riyadus Solihin: Taman Orang Soleh*. (Penterjemah: Ainon Mohd et. al.). Batu Caves, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lukman Ali. (1967). *Bahasa dan Kesusasteraan Melayu*. Jakarta: Gunung Agung.
- Mana Sikana. (1988). *Teori dan Pendekatan Kritikan Sastera Moden*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Mohd. Taib Osman. (1979). Traditional Malay Music: A Traditional Cultural Expression in Contemporary Setting. *Jurnal Budaya Melayu 4*: Hlm. 97-111.
- Noryamisma Ismail. (2018). *Tema Keislaman dalam Lirik Dikir Al-Burdah di Kampung Hulu, Sri Aman, Sarawak, Malaysia*. Tesis Master Sastera. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Noryamisma et. al. (2018). Islam dalam Persembahan Dikir Al-Burdah oleh Pertubuhan Badan Kesenian dan Kebudayaan, Kampung Sessang, Sarawak. *Jurnal Melayu*. Bil. 17(2): Hlm. 124-142.
- Nur Afifah Vanitha Abdullah. (2017). Peranan Bangunan Berpentas Prosenium dalam Tradisi Persembahan Bangsawan di Sarawak. *Wacana Seni (Journal of Arts Discourse)* Jil./Vol.16: Hlm. 85-102.
- Raslie Saharan. (1988). Beberapa Aspek Kebudayaan Masyarakat Melayu Sarawak. Dlm. *Adat Resam Penduduk Sarawak*. Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Filem Perayaan Ulang Tahun Ke-25

Noryamisma Ismail, Mohd. Zariat Abdul Rani, Fazilah Husin dan Norazlina Haji Mohd Kiram

Sarawak Merdeka Dalam Malaysia. Hlm. 115-170. Kuching: Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak.

Sakinah Abu Bakar. (2014). Kelestarian Khazanah Tradisi Islam Qasidah Burdah dalam Masyarakat Setempat: Kajian Kes di Kampung Hilir, Merbok, Yan, Kedah. *Jurnal Gendang Alam*. Jilid 4. Hlm. 19-31.

Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 8 Mac 2013 (Jumaat), pada jam 3.00 petang bertempat di kediaman Tuan Haji Mohamed Usup di Kampung Melango Baru, Saratok.

Wawancara dengan Tuan Haji Mohamed Usup bin Rahman pada 14 Julai 2017 (Jumaat), pada jam 5.00 petang bertempat di kediaman Tuan Haji Mohamed Usup di Kampung Melango Baru, Saratok.